

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ("HPP") ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan Pembiayaan Invois-i (IVF-i) bersama Hong Leong Islamic Bank. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat umumnya.

Maklumat yang diberikan hanya merupakan maklumat am sahaja tentang produk ini. Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah tentatif (sementara) atau indikatif (petunjuk) dan boleh berubah atas budi bicara pihak Bank. Terma dan syarat muktamad hendaklah dibaca bersama-sama dan digantikan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pembiayaan.

Sila dapatkan penjelasan daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB") jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum.



Hong Leong Pembiayaan Invois-i (IVF-i)

Oktober 2020

1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?

Pembiayaan Invois-i (IVF-i) merupakan kemudahan pembiayaan dagangan Islamik untuk membiayai perkhidmatan dagangan jualan eksport di dalam negeri dan luar negara (secara kredit) atau pembelian import tempatan dan negara asing ("pembayaran segera" atau "pembayaran terhadap penerimaan dokumen") tempoh baki usance ("dibayar pada tarikh akan datang" atau "pembayaran selepas tempoh tertentu dari penerimaan dokumen") untuk pembelian kredit. Pembiayaan Invois-i juga dibenarkan untuk membiayai perbelanjaan operasi domestik atau pembayaran untuk perkhidmatan. Harga jualan sebenar, tempoh pembiayaan dan tarikh matang akan ditetapkan di setiap pengeluaran bayaran/penggunaan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini adalah melalui susunan Tawarruq. Tawarruq adalah merujuk kepada dua (2) kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset (komoditi) oleh Bank kepada Pelanggan dengan harga tertanggung dan akan diikuti pula dengan penjualan aset (komoditi) yang sama oleh Pelanggan kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai.

Berikut adalah mekanisma bagi produk Pembiayaan Invois-i:

1. Pihak Bank membeli komoditi* (yang digunakan sebagai aset pendasar) (nilai bersamaan dengan jumlah pembiayaan) daripada pembekal komoditi secara lani ("on spot") sebagai prinsipal (sekarang Bank sebagai pemilik komoditi).
2. Pelanggan melantik pihak Bank sebagai ejen (wakil) untuk membeli komoditi dan juga melantik pihak Bank sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut.
3. Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan dengan harga kos beserta keuntungan (Murabahah) (iaitu nilai yang bersamaan dengan harga jualan) dengan dasar bayaran tertanggung (ansuran). Dengan pembelian tersebut, Pelanggan sekarang menjadi pemilik kepada komoditi. Murabahah bermaksud jualan dan belian sesuatu aset dimana kos pemerolehan dan tambah nilainya (untung) didedahkan kepada Pelanggan.
4. Sebagai pemilik komoditi, Pelanggan boleh memilih untuk:
 - (a) menerima penghantaran secara fizikal / hak milik di atas perbelanjaannya sendiri; atau
 - (b) menjual komoditi tersebut secara tunai kepada pihak ketiga;
5. Jika Pelanggan memilih (b), Bank (sebagai ejen kepada Pelanggan) akan menjual komoditi tersebut (nilai bersamaan dengan jumlah pembiayaan) kepada pihak ketiga secara lani untuk mendapatkan tunai.
6. Bank akan mendepositkan hasil jualan (jumlah pembiayaan) kepada Pelanggan.

*Komoditi :-

- a. Komoditi adalah dalam bentuk Platinum atau apa-apa komoditi yang patuh Syariah yang akan didagangkan bagi mendapatkan tunai untuk Pembiayaan. Komoditi yang digunakan mestilah diterima oleh pihak-pihak yang terlibat dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.
- b. Perdagangan komoditi dijalankan melalui platform perdagangan pelbagai komoditi seperti Eiger Trading Advisors Ltd ("Eiger") atau platform perdagangan komoditi lain yang boleh melaksanakan transaksi *Tawarruq* dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Pembayaran/penggunaan berulang-ulang dalam Had Kemudahan yang telah diluluskan.
- Kadar Keuntungan (PR) disandarkan kepada Kos Dana Berkesan Islam IVF-i (ICOF) + Kadar Keuntungan Pelanggan.
- Tempoh pembiayaan adalah berbeza untuk setiap penggunaan. Kebiasaannya, di antara 30 hari hingga 120 hari.
- Harga jualan yang merangkumi caj keuntungan telah ditetapkan ketika pengeluaran yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan semasa seperti ilustrasi berikut:

Sebagai Ilustrasi

Jumlah/ Had pembiayaan	:	RM1,000,000.00
Jumlah yang telah digunakan	:	RM99,005.48
Tempoh	:	60 hari
Kadar untung	:	6.110769%
Harga jualan	:	RM 100,000.00
Jumlah untung	:	RM 994.52

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Bagi setiap penggunaan kemudahan Pembiayaan Invois-i, anda perlu membayar keseluruhan keuntungan dan prinsipal (pada tempoh matang).
- Harga jualan perlu dibayar sepenuhnya pada tempoh matang bagi setiap jumlah penggunaan.

5. Apakah jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Disemak 1989).
Yuran Guaman berkaitan dengan Dokumentasi Pembiayaan	Yuran peguamcara adalah seperti Perintah Imbuan Peguamcara 2005 termasuk yuran bagi caj pendaftaran, carian tanah, carian muflis, cukai kerajaan yang berkaitan dan cukai lain atau levi seperti skala caj yuran yang dicaj oleh pihak berkuasa berkenaan.
Yuran Perdagangan	RM15 untuk setiap transaksi berjumlah RM1 juta atau sebahagian daripadanya dalam mata wang urusniaga (cth. SGD15 untuk setiap SGD1 juta atau USD15 untuk setiap USD1 juta, dll). Bagi pelanggan SME, yuran tersebut akan dikongsi di antara pelanggan dan Bank.
Yuran Pemprosesan	RM100.00 akan dikenakan untuk setiap transaksi IVF-i, jika jumlah invois pembiayaan IVF-i adalah kurang daripada RM50,000.00 dan tidak dibolehpakai untuk biayai belian import di bawah Surat Kredit-i atau transaksi yang disokong oleh pungutan dokumen masuk/keluar yang dikendalikan melalui HLBB/HLISB.
Lain-lain	Sila rujuk Yuran & Caj Perkhidmatan Perdagangan di laman sesawang kami di URL: https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html

Nota: Semua yuran, komisen, caj dan wang lain yang kena dibayar adalah tertakluk pada dan eksklusif dari sebarang Cukai Kerajaan, yang mana berkenaan.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Pampasan bagi Pembayaran Lewat (Ta'widh)	<p>a) Bagi kegagalan bayaran yang mengakibatkan kemudahan ditamatkan atau dibawa ke mahkamah = 1% setahun keatas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>b) Bagi kegagalan bayaran selepas tempoh matang = Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") keatas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru);</p> <p>c) Bagi kegagalan bayaran selepas penghakiman = Kadar IIMM ke atas jumlah dasar penghakiman.</p> <p>Nota: (i) Caj pampasan tidak akan dikompaun dan tidak boleh melebihi jumlah prinsipal tertunggak</p>
---	--

<p>Hak Penolakan</p>	<p>(ii) Kaedah dan kadar caj pampasan adalah tertakluk kepada perubahan seperti mana yang ditentukan oleh BNM</p> <p>(iii) Caj pampasan dikira atas dasar harian dari tarikh perlu bayar/tempoh matang/tarikh penghakiman</p> <p>Bank berhak untuk menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak dalam akaun pembiayaan ini selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda.</p>
<p>Hak untuk Memulakan Proses Pengambilan Semula dan Tindakan Undang-undang</p>	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal untuk memberi respons kepada notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas dan segala kos adalah tanggungan pelanggan. Sekiranya hasil penjualan aset tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah yang tertunggak dan terhutang, pelanggan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan tersebut. Pihak Bank berhak untuk memulakan aktiviti pengutipan (termasuk menggunakan agensi pengutipan hutang), perampasan dan prosiding muflis. <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit yang mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar pembiayaan lebih mahal.</p>

7. Bagaimana jika saya menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tempoh matang?

- Bank akan memberi rebat (Ibra') pada penyelesaian awal yang dibuat dalam jumlah penuh. Formula rebat seperti berikut:

<p>Rebat (penyelesaian awal) = Lebihan keuntungan yang belum diterima</p>

- Nota:** (i) Lebihan keuntungan yang belum diterima = Jumlah Untung (-) Untung Akru
(ii) Jumlah untung = Harga Jualan (-) Jumlah Pembiayaan

8. Adakah saya perlu mengambil perlindungan takaful?

Berikut merupakan cadangan atau keperluan perlindungan takaful:

- Takaful Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTT) atau sijil/polisi takaful perlindungan yang seumpamanya untuk melindungi syarikat sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal atas pelanggan atau orang utama dalam syarikat (jika berkenaan)
- Takaful kebakaran jika aset adalah cagaran dalam pembiayaan (wajib)

9. Apakah risiko utama?

Bagi kegagalan bayaran, anda akan dikenakan levi dengan caj-caj pampasan atau mana-mana kadar lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan maklumat dalam butiran peribadi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan / pusat perniagaan kami di seluruh negara atau memberitahu kami secara bertulis kepada:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Level 9, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur
E-mel : sme@hlbb.hongleong.com.my

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda menghadapi masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan kaedah alternatif bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking,

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No.Telefon : +603-7661 7777
E-mel : sme@hibb.hongleong.com.my
Laman : www.hlisb.com.my
Sesawang

- Sebagai alternatif, anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Alamat : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK),
Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce
11 Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-2616-7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman : <https://www.akpk.org.my/>
Sesawang

- Sekiranya anda mempunyai aduan, sila hubungi cawangan terdekat, pusat perniagaan atau pengurus perhubungan akaun anda atau kami di:

Hong Leong Islamic Bank Berhad, Commercial and SME Banking

Alamat : Level 9, Menara Hong Leong, No.6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No.Telefon : +603-7661 7777
E-mel : sme@hibb.hongleong.com.my
Laman : www.hlisb.com.my
Sesawang

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTELELINK

Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
No. Telefon : +603-2081 8888
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman : www.ofs.org.my
Sesawang

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Pembiayaan Invois-i, sila kunjungi mana-mana pusat perniagaan kami di seluruh negara atau anda boleh melayari laman sesawang kami di www.hlisb.com.my atau laman sesawang www.bankinginfo.com.my

13. Lain-lain pakej pembiayaan

- Pembiayaan Bertempoh Komoditi Murabahah-i Hong Leong Islamic Bank
- Pembiayaan Bertempoh Fleksi Komoditi Murabahah-i Hong Leong Islamic Bank
- Kredit Pusingan Komoditi Murabahah –i Hong Leong Islamic Bank
- Pembiayaan Pembiayaan Aliran Tunai-i CM Hong Leong Islamic Bank
- Lain-lain Pembiayaan Perdagangan Islamik

NOTIS PENTING

BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN PERAMPASAN ASET YANG DIBIYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK, JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT BAYARAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini sah pada October 2020.